



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**TEKS UCAPAN
Y.B. DATUK SERI TENGKU ADNAN TENGKU MANSOR
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA
PROGRAM NUR RAMADAN KWP DAN MAJLIS BERBUKA PUASA
YB MENTERI BERSAMA WARGA WP LABUAN**

**20 JULAI 2013 (SABTU), 5 PM
SURAU ANNUR RAHIM,
KG.SUNGAI BUTON, WP LABUAN**

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Terima kasih saudara/i Pengacara Majlis

Senarai salutation belum disediakan / akan dimaklumkan

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera
dan Salam 1Malaysia**

1. Pertama sekali, saya ingin memanjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan izin dan kurnia-Nya, dapat saya bertemu lagi dengan orang-orang Labuan; untuk sama-sama berbuka puasa di bulan Ramadan yang mulia ini.

2. Kepada semua penduduk kampung dan para jemputan yang hadir dan para jemputan saya ingin juga mengucapkan “Selamat Menjalani Ibadah Puasa “ dan hari ini, sudah sebelas hari kita sama-sama berpuasa, semoga ibadah tuan-tuan dan puan-puan semua diberkati Allah...

3. Saya juga gembira, kerana Program Nur Ramadan anjuran KWP bersama Perbadanan Labuan dapat diteruskan pada tahun ini yang bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara pihak Kementerian dengan warga Labuan; seterusnya memberi sumbangan kepada golongan yang memerlukan.

4. Semoga dengan ketibaan bulan Ramadan ini, kita dapat menyempurnakan ibadah kita dengan lebih baik, serta tidak melupakan kepada mereka yang memerlukan. Amalan bersedekah, adalah dituntut dalam Islam; untuk mengingatkan kita agar sentiasa bersyukur dengan rezeki yang dianugerahkan oleh Allah.

5. Dalam pada itu, kita juga amat beruntung kerana Negara sentiasa dalam keadaan aman. Kita boleh mengadakan majlis sebegini dengan selesa, berpuasa dan beribadah dengan tenang tanpa sebarang ketakutan. Kuncinya adalah perpaduan dan kerjasama.

6. Sehubungan itu, soal perpaduan ini perlu sentiasa dijaga dengan baik; dan kita patut bersyukur kerana kerajaan yang mentadbir negara ini, kerana mampu mengekalkan keamanan dan mengutamakan kepentingan rakyat serta kesejahteraan negara.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

7. Kementerian dan setiap agensi di bawahnya telah menjadikan Program Berbuka Puasa sebagai kalendar acara tahunan sempena bulan Ramadan. Ia yang bertujuan mendekati warga Wilayah Persekutuan, selain menyalurkan sumbangan dan bantuan kepada golongan miskin, warga emas dan anak-anak yatim.

8. Ini juga adalah program turun padang pihak Kementerian untuk bersama-sama warga wilayah persekutuan menyambut Ramadan. Pemilihan lokasi majlis ini juga adalah berbeza dari tahun lepas untuk memastikan semua surau dan masjid mendapat peluang sebagai lokasi program ini.

9. Bagi program membasmi kemiskinan di Wilayah Persekutuan Labuan, saya dimaklumkan Perbadanan Labuan telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM67,500.00 kepada sembilan penerima e-Kasih dalam kategori Miskin dan Miskin Tegar. Peruntukan ini adalah di bawah Program Peningkatan Pendapatan untuk membantu golongan ini menambahkan hasil pendapatan mereka dalam bidang jahitan dengan pembelian peralatan mesin jahit.

10. Seperti pada tahun lepas, Kementerian telah menyalurkan bantuan peruntukan sewa rumah bagi tahun 2013 yang dijalankan dalam dua fasa; iaitu Fasa pertama telah menyenaraikan seramai 25 orang penerima bantuan. Peruntukan yang telah disalurkan berjumlah RM37,200.00 iaitu setiap penerima mendapat bantuan sebanyak RM1488.00 setahun. Manakala bagi Fasa kedua, perkara ini masih dalam proses pelaksanaan dan dianggarkan seramai 32 orang lagi akan menerima bantuan ini.

11. Bagi meningkatkan taraf kemudahan awam di Wilayah Persekutuan Labuan, sebanyak 88 projek telah ditawarkan untuk tujuan ini yang bernilai RM3 Juta. Peruntukan ini dibawah peruntukan khas Timbalan Perdana Menteri yang untuk membiayai projek-projek kampung seperti membaikpulih surau-surau, balairaya, membaiki jalan simen, pusat riadah dan sebagainya.

12. Selain itu, sebanyak 45 projek juga telah ditawarkan di bawah Projek PIA dan PIAS dengan jumlah peruntukan RM2 Juta.

13. Bagi tujuan menggerakkan Persatuan Pemilik Bas dan Teksi di WP Labuan, sebanyak RM100,000.00 telah disalurkan kepada persatuan ini bagi tujuan pengurusan aktiviti persatuan dan kebajikan ahli-ahlinya.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

14. Pada majlis ini juga, pihak Kementerian akan menyalurkan geran peruntukan berjumlah RM10,000.00 kepada Surau Annur Rahim Kampung Sungai Buton bagi tujuan pengurusan surau dan membiayai apa-apa kemudahan yang diperlukan.

15. Bagi membantu pengurusan Pusat Tahfiz di Labuan, saya juga bersetuju untuk memberikan geran peruntukan berjumlah RM10,000.00 kepada Madrasah Tahfiz Sri Merinding. Saya dimaklumkan pusat ini telah mula ditubuhkan pada tahun 1996 lagi dan pada ketika mempunyai bilangan pelajar seramai 30 orang dan tiga orang tenaga pengajar. Saya berharap dengan adanya bantuan ini, pusat ini dapat membiayai apa-

apa keperluan dan aktiviti bagi pusat ini dan juga dapat meringankan beban pengurusan kewangan serta kebajikan para pelajarnya.

16. Sempena bulan yang mulia ini, pihak Kementerian juga telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM40,000.00 dan ditambah dengan peruntukan RM10,000.00 dari Yayasan Wilayah Persekutuan bagi tujuan penyampaian sumbangan Nur Ramadan kepada 500 orang penerima yang terdiri dari golongan warga emas, Orang Kelainan Upaya (OKU), Anak-anak yatim, fakir miskin dan ibu tunggal. Semoga dengan sumbangan ini dapat meringankan sedikit bebanan mereka bagi keperluan menyambut Ramadan.

17. Akhir sekali, marilah kita bersama-sama berdoa agar keamanan yang kita kecapai sekarang akan berkekalan dan semoga kita semua diberi perlindungan oleh-Nya untuk meneruskan kehidupan kita dalam negara yang aman dan makmur ini.

18. **Dengan lafaz BISMILLAHIRAHMANIRRAHIM, saya dengan sukacitanya melancarkan Program Nur Ramadan 2013 bersamaan 1434 Hijrah.**

Sekian, Wabillahi Taufik walhidayah Wassalamulakum W.B.T.